

UMS terlepas emas

kedua pada SUKIPT

DE 7.2.2018 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terlepas emas kedua mereka pada Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) di UKM pada Selasa.

Pesilat Cristina Ideris didenda selepas secara tidak sengaja memukul lawannya di muka semasa perlawanan akhir wanita Kelas E, semasa mendahului lawannya dengan dua mata, dan terpaksa berpuas hati dengan perak.

UMS turut menambah dua lagi perak pada hari keempat pertandingan itu dalam acara padang dan balapan menerusi pemain bola sepak kebangsaan Ji Fedalliah Claritta Jaimin dalam acara lompat jauh wanita.

Pasukan itu kini memenangi satu emas, lima perak dan satu gangsa dengan satu-satunya emas setakat ini adalah daripada pasangan campuran Taekwondo Poomsae, Armay Radi dan Nur Ifa Husnah Saiful, sementara pingat perak lain dimenangi dalam acara poomsae lelaki (Song Lubiou, Dominic sew Khai Yuan, Bernicael Bernard Anak Megol) dan pasukan poomsae wanita (Helena A'An Lisu, Cheong Pui Yen) serta satu daripada lelaki individu (Ahmady Radi) dengan gangsa dimenangi menerusi individu wanita (Cheong Pui Yien). - GL Oh